



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

KOMITMEN SEMUA PENJAWAT AWAM DIPERLUKAN UNTUK JAYAKAN KAJIAN SISTEM SARAA PERKHIDMATAN AWAM (SSPA)

Sesi libat urus Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bersama-sama penjawat awam negeri Johor mengenai Kajian Sistem Saraa Perkhidmatan Awam (SSPA) telah berlangsung di Dewan Utama, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Iskandar Puteri, Johor pada 1 November 2023.

Sesi libat urus ke semua peringkat negeri mula dijalankan pada Ogos lalu bagi memastikan semua penjawat awam merentasi pelbagai peringkat perkhidmatan, gred dan skim perkhidmatan terlibat dalam menyumbang pandangan, cadangan dan idea baharu.

YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Belanjawan 2024 pada 13 Oktober 2023 telah mengumumkan agar pelaksanaan penuh SSPA dibuat bermula tahun 2025. Mengambil kira keperluan semasa, laporan akhir Kajian SSPA dijangka akan dibentangkan pada Julai 2024 dan seterusnya diangkat untuk pembentangan Belanjawan 2025.

“Kita komited untuk memastikan kajian ini dilaksanakan **mengikut tempoh masa yang ditetapkan dengan dapatan data yang terangkum dan inklusif** mewakili segenap lapisan suara akar umbi penjawat awam. Libat urus berskala besar mahupun kecil pada semua peringkat akan terus dipergiatkan melalui *townhall*, konvensyen, kumpulan fokus serta perjumpaan dengan pihak-pihak berkepentingan bagi memastikan tiada satu pun penjawat awam yang tertinggal.

“Bertitik tolak atas kesediaan ini, justeru perubahan untuk **menerima budaya kerja pantas dan berkesan melalui pendekatan menyeluruh tiga pihak iaitu rakyat, kerajaan dan industri** perlu digerakkan oleh seluruh jentera perkhidmatan awam untuk sama-sama kita **tingkatkan prestasi dan produktiviti**.

“Laksanakan amanah dan tanggungjawab yang diberi dengan sebaiknya dengan mendukung penuh prinsip integriti dan tata kelola yang baik agar semua pihak mendapat manfaat, negara sejahtera dan seterusnya **memaknai kajian yang kita usahakan ini**,” kata YBhg. Dato’ Seri Dr. Zulkapli bin Mohamed, Ketua Pengarah Perkhidmatan awam.

Sehingga 31 Oktober 2023, **jumlah cadangan yang diterima adalah sebanyak 98,757** yang melibatkan **40,833 responden**.

Segala cadangan penambahbaikan serta pembaharuan boleh dikemukakan melalui portal Kajian SSPA di <https://semakansaraan.jpa.gov.my>.

Sesi libat urus ini merupakan sesi kesebelas bagi peringkat negeri dengan kehadiran lebih 500 penjawat awam negeri Johor. Hadir sama, YBhg. Tuan Haji Ismail bin Abu, Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pengurusan); YBhg. Dato' Pauzan bin Ahmar, Pengarah Bahagian Perjawatan dan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam; YB Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan Tuan Haji Rahman bin Mohd Din, Pengarah Pembangunan Negeri Johor. Libat urus seterusnya akan diadakan di negeri Sarawak pada 10 November ini.

Kajian SSPA secara keseluruhan memberi tumpuan kepada peningkatan produktiviti dan kecekapan perkhidmatan awam menerusi penggunaan teknologi dan kemahiran modal insan, prestasi penjawat awam dilihat dari aspek produktiviti yang mewajarkan gaji yang setimpal kepada penjawat awam, kesejahteraan penjawat awam dalam menangani kos sara hidup dan kemampanan fiskal negara dalam membiayai perbelanjaan berkaitan perkhidmatan awam.

Kajian SSPA telah digerakkan mulai 29 Julai 2023 melalui beberapa siri libat urus Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan kementerian serta agensi kerajaan persekutuan yang merangkumi enam (6) kelompok iaitu Keselamatan, Kesihatan, Pendidikan, Teknikal, Sains dan Teknologi serta Pengurusan.

Kerajaan secara dasarnya melalui Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembaharuan Perkhidmatan Awam (JKK-PPA) pada 7 Ogos 2023 telah bersetuju untuk JPA melaksanakan Kajian SSPA dalam usaha meningkatkan prestasi perkhidmatan awam selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dan mengambil kira tiada semakan semakan sistem saraan secara menyeluruh sejak tahun 2002.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 2 November 2023

E-mel : komunikasi@jpa.gov.my

No.Rujukan: JPA.100-9/1/2 Jld.2 (53)

Pautan gambar:

<https://pocketdatav2.jpa.gov.my/public/710b234316760da7a69b8be25a880ec3>